

DBKL rampas rumah penghuni tak bertamadun



SAMPAH dianggarkan seberat tujuh kilogram dicampak dari tingkat atas.

GAMBAR kecil - bumbung berlubang disebabkan impak sampah yang berat.

INSIDEN seorang remaja lelaki maut akibat dihempap kerusi yang dicampak dari tingkat atas blok Projek Perumahan Rakyat (PPR) Pantai Dalam, Kuala Lumpur, dua tahun lalu seolah-olah tidak memberi sebarang impak kepada warga flat.

Ini kerana, perbuatan tidak

bertamadun itu bukan sahaja sering berulang malah seperti telah sebatikan dengan kehidupan sebahagian penghuni rumah bertingkat.

Menyedari hal yang demikian, Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) menguatkuasakan peraturan termasuk penamatan perjanjian penyewaan rumah

di bawah peruntukan Undang-Undang Kecil Perumahan Awam (Wilayah Persekutuan) 2000.

Selain itu, pelaku juga boleh disabitkan hukuman penjara sehingga dua tahun atau denda atau kedua-duanya sekali mengikut Seksyen 304A Kanun Keseksaan.

BERITA LANJUT DI MUKA 2



Aksesori eksklusif wanita moden >> 9, 10 & 11



Doa ikhlas mereda tangisan >> 12 & 13

MyFood beri manfaat 32,000 isi rumah

MESKIPUN pelbagai inisiatif telah pun diperkenalkan oleh kerajaan bagi membantu golongan yang terjejas ekoran pandemik COVID-19, namun masih ramai lagi yang memerlukan bantuan.

Bagi penduduk yang menetap di Projek Perumahan Rakyat (PPR) dan Perumahan Awam (PA) di ibu kota, Kementerian

Wilayah Persekutuan (KWP) memahami keperluan golongan miskin bandar yang menerima kesan pandemik ini dan memperkenalkan program MyFood@Wilayah bagi membantu mereka meneruskan kelangsungan hidup.

Menteri Wilayah Persekutuan, Tan Sri TPr Annuar Musa berkata, beberapa laporan

yang telah dibuat termasuk laporan berkala oleh Pertubuhan Pendidikan, Saintifik dan Kebudayaan Bangsa-Bangsa Bersatu (UNESCO) yang mengetengahkan mengenai kemiskinan bandar secara khusus di kawasan PPR dan PA.

BERITA LANJUT DI MUKA 3



Pelukis 'mati' perlahan-lahan >> 18

Warga PPR bimbang insiden kematian berulang

Usir pelaku tidak bertanggungjawab

DARI MUKA DEPAN

Oleh NAZWIN NAZRI
winwilayahku@gmail.com

BERANG dengan perbuatan tidak bertanggungjawab segelintir penghuni yang membuang sampah dari tingkat atas, persatuan komuniti Projek Perumahan Rakyat (PPR) Intan Baiduri menggesa tindakan pengusiran dikenakan terhadap pelaku.

Salah seorang komuniti Blok A PPR Intan Baiduri, **Zamanhury Ezin** berkata, tindakan tegas seumpama itu perlu dilakukan sebelum kejadian meragut nyawa berlaku di kawasan perumahan-nya.

Ujarnya, dengan langkah itu juga, penduduk bukan hanya berasa takut untuk membuang sampah merata-rata tetapi dapat menjadikan kawasan sekitar bersih dan selamat.

"Saya berharap individu yang mencampak sampah dari tingkat atas diusir daripada kawasan perumahan ini. Ia juga akan menjadi pengajaran kepada komuniti lain.

"Perbuatan demikian sangat membahayakan nyawa terutama kanak-kanak yang lalu-lalang di bawah.

"Bayangkan sampah yang dibaling pada awal pagi Selasa lalu mengakibatkan bumbung berlubang. Beban dianggarkan seberat enam hingga tujuh kilogram," katanya ketika dihubungi *Wilayahku*.

Menceritakan tentang insiden tersebut, ujar Zamanhury, dia dan beberapa jemaah lain terkejut apabila melihat bumbung di parkir motosikal berlubang di samping selonggok sampah yang



PENDUDUK menemui plastik bungkus pos mengandungi nama dan alamat yang dipercayai kepunyaan 'pemilik' sampah.



ZAMANHURY

bersepah.

Ujarnya, bagi mengetahui siapa pelaku, dia meminta pekerja pembersihan membuka plastik sampah dan menemui plastik pembungkusan barangan pos.

Ekoran itu, katanya, 'pemilik' sampah di hubungi bagi mengetahui kejadian sebenar, namun dia menafikan perbuatan tersebut.

Seorang lagi penduduk, **Abdullah Abdul Wahab** memberitahu, sepanjang mendiami perumahan Intan Baiduri sejak berbelas tahun lalu, kejadian campak sampah dari tingkat atas

sentiasa berlaku.

"Tetapi belum pernah berlaku kemalangan jiwa atau mengakibatkan kematian.

"Saya bimbang sekiranya kejadian seumpama itu berterusan, tidak mustahil akan terkena penghuni yang berada di bawah," katanya.

Dalam pada itu, Abdullah berharap, kamera litar tertutup (CCTV) dapat dipasang di kawasan terbuka sekali gus memudahkan pelaku yang mencampakkan sampah dikenal pasti.

Tambahnya, ia membolehkan tindakan lanjut diambil dan mencegah kegiatan tidak bermoral daripada terus berlaku.

W K

Tiga kes usir akibat campak sampah dari tingkat atas - DBKL

DEWAN Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) merekodkan tiga kes penamatan perjanjian penyewaan rumah yang disebabkan perbuatan membuang sampah dari tingkat atas.

Pengarah Jabatan Pembangunan Komuniti dan Kesejahteraan Bandar DBKL, **Saifol Mazli Ahmad** berkata, tindakan tersebut diambil di bawah Syarat-Syarat Perjanjian Penyewaan Rumah DBKL dan Undang-Undang Kecil Perumahan Awam (Wilayah Persekutuan) 2000.

"Sejak 2018, tindakan yang diambil baru 11 kes yang mana pelakunya dikompaun berdasarkan bukti, aduan serta pengakuan.

"Pelaku diberi tempoh 14 hari dan jika dia tidak menjawab atau membayar kompaun yang dikenakan, DBKL akan mengeluarkan notis penamatan penyewaan,"



katanya ketika dihubungi *Wilayahku* pada Rabu.

Menurut Saifol Mazli, sepanjang tahun ini, dua kes penamatan penyewaan dikenakan namun tindakan tidak dapat diteruskan atas faktor Perintah Kawalan Pergerakan (PKP).

Jelasnya, penguatkuasaan itu adalah daripada empat kes yang dilaporkan yang mana selepas rayuan dibuat, dua daripadanya ditolak.

"Tahun ini juga saya menerima aduan sebuah mesin basuh dibaling daripada tingkat atas. Kejadian pada waktu pagi itu bagaimanapun tidak melibatkan kemalangan jiwa," ujarnya. **W K**



SEORANG remaja lelaki maut selepas ditimpa kerusi yang dibuang dari tingkat atas dua tahun lalu.

NadiWilayah terima 1,826 permohonan - MRM

SERAMAI 1,826 permohonan bantuan permulaan perniagaan diterima bagi program NadiWilayah anjuran Multiracial Reverted Muslims (MRM).

Menurut sumber MRM, daripada jumlah itu, 59 peratus adalah permohonan daripada penduduk sekitar Wilayah Persekutuan.

Ujarnya, program menerusi bantuan mula niaga dan sara diri itu diadakan bagi membantu individu yang terjejas

pendapatan akibat penularan COVID-19.

"Pihak MRM memperuntukkan sehingga RM500,000 untuk program ini. Ia merangkumi bantuan modal permulaan perniagaan, bantuan khas bulanan kepada peserta, latihan dan barangan perniagaan seperti kanopi, meja, bekas makanan, suntikan typhoid dan lain-lain.

"Kita akan berikan bantuan modal permulaan kepada 100 peserta terpilih sepanjang program yang akan berlangsung

selama enam bulan," jelasnya ketika dihubungi *Wilayahku* pada Rabu.

Ujarnya, pada masa ini, MRM juga menyediakan latihan asas perniagaan seperti teknik pemasaran, pengurusan kewangan dan latihan pengurusan sumber bagi memastikan peserta bersedia mendapat pendapatan bulanan stabil sekali gus berjaya meneruskan perniagaan selepas program tamat.

Mengulas lanjut, beliau berkata, setiap permohonan diteliti

dan diasingkan mengikut jumlah isi rumah serta tanggungan yang mana program akan dijalankan dalam tempoh terdekat selepas urusan perlesenan selesai.

"Kita beri penekanan khusus kepada pencari nafkah tunggal keluarga yang terkesan akibat wabak. Selain itu, kita juga mempertimbangkan permohonan daripada kalangan ibu atau bapa tunggal.

"Pasukan khas akan diwujudkan untuk mengurus serta memantau keberkesanan

program bagi memastikan peserta diberikan sokongan yang baik termasuk dari segi pengurusan operasi, pendaftaran lesen, pemilihan tempat perniagaan dan pemasaran produk," jelasnya.

Dalam pada itu, beliau turut menyatakan, MRM menerima kira-kira 40 peratus permohonan daripada penduduk luar Wilayah Persekutuan dan berharap program boleh diperluaskan ke negeri lain termasuk Sabah dan Sarawak. **W K**

Bakul makanan untuk golongan miskin bandar

DBKL senaraikan penerima bantuan

Oleh AZLAN ZAMBRY
azlanwilayahku@gmail.com

PRIHATIN dengan nasib warga kota terutama golongan miskin bandar, Kementerian Wilayah Persekutuan (KWP) menerusi Inisiatif Wilayah Cakna telah memperkenalkan MyFood@Wilayah yang merupakan salah satu daripada lima program yang dicetuskan untuk membantu golongan tersebut. Timbalan Setiausaha Bahagian Sosioekonomi Kementerian Wilayah Persekutuan (KWP) **Mohd Mahyuddin Yahya** berkata, program MyFood@Wilayah

merupakan julung kali diadakan dan menyasarkan penduduk Projek Perumahan Rakyat (PPR) dan Perumahan Awam (PA) di bawah seliaan Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL).

"KWP telah menghulurkan bantuan kepada kira-kira 67 kawasan PPR dan PA di bawah seliaan DBKL dalam program tersebut.

"Untuk fasa pertama, seramai 32,000 ketua isi rumah telah dipilih untuk menerima manfaat dari program itu

yang melibatkan perbelanjaan RM1.6 juta," katanya kepada *Wilayahku* pada Rabu.



MOHD MAHYUDDIN

Menurut Mohd Mahyuddin, senarai penerima yang diperolehi adalah hasil banciaan yang dilakukan oleh DBKL mengikut Pendapatan Garis Kemiskinan (PGK) yang lama dan ditentukan oleh Unit Perancang Ekonomi (EPU) Jabatan Perdana Menteri.

"Banciaan tersebut telah dibuat pada tahun 2018, DBKL menggunakan PGK yang dibuat pada tahun 2016 iaitu pada

kadar RM980 sebulan bagi satu isi rumah dan PGK yang baharu pada kadar RM2,208 akan mula digunakan secara rasmi pada tahun 2021.

"Oleh kerana ia merupakan senarai banciaan yang dilakukan dua tahun lalu, maka kita menggunakan senarai tersebut kerana belum ada banciaan dibuat menggunakan PGK yang baharu.

"Sekiranya hendak memasukkan kumpulan sasaran yang ada di kawasan lain termasuk di kawasan PPR swasta, ia mungkin memakan masa yang lama," katanya.

Mohd Mahyuddin berkata, KWP telah membuat

permohonan terhadap pihak EPU bagi meneruskan program tersebut untuk tahun hadapan.

"Setakat ini, pemberian bakul makanan ini diberikan secara *one-off* dan melalui cadangan yang telah dikemukakan kepada pihak EPU, kami mahu ia dilaksanakan dua kali setahun.

"Kami perlu menumpukan program ini di Kuala Lumpur manakala dua kawasan lain, Labuan dan Putrajaya kemungkinan akan dilakukan pada pusingan kedua dan senarai penerima melalui rekod bergantung dengan sistem e-Kasih," katanya.

MyFood libatkan penduduk di 67 PPR/PA

DARI MUKA DEPAN

"**MALAH** Perdana Menteri telah membuat beberapa kunjungan ke PPR serta PA di sekitar ibu kota dan telah menarik perhatian kabinet tentang adanya keluarga yang dikategorikan sebagai keluarga miskin bandar.

"Menerusi laporan tersebut, pihak KWP telah mengadakan program khusus untuk membantu mengurangkan beban kos sara hidup yang ditanggung ekoran kesan pandemik COVID-19 dengan memperkenalkan program MyFood@Wilayah serta empat program di bawah Inisiatif Wilayah Cakna," katanya kepada pemberita selepas melancarkan program MyFood@Wilayah di PPR Kerinchi baru-baru ini.

Menurut Annuar, apabila Pendapatan Garis Kemiskinan (PGK) kebangsaan telah diubah, maka pihak kerajaan telah menjangkakan angka sebenar kemiskinan bandar akan meningkat.

"KWP telah pun mengambil tindakan susulan dengan mengadakan perbincangan dengan pihak Unit Perancang Ekonomi (EPU) khususnya dengan Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Ekonomi), Datuk Seri Mustapa Mohamad untuk memberikan fokus kepada langkah-langkah yang akan diambil dalam RMK-12 bagi menangani masalah kemiskinan bandar.

"Majlis Perwakilan Penduduk Wilayah Persekutuan (MPPWP) juga telah diminta untuk membuat tinjauan di semua PPR dan PA



ANNUAR menyerahkan bakul makanan MyFood@Wilayah kepada salah seorang peserta di PPR Kerinchi baru-baru ini.

bagi memastikan tidak ada keluarga yang terbiar kerana masalah kemiskinan. Dalam masa sama KWP melancarkan program My5 yang terdiri daripada MySchoolBus@Wilayah; MyGrocer@Wilayah; MyMedic@Wilayah; MyJob@Wilayah bagi mengurangkan kos sara hidup kumpulan sasar termasuklah program terbaharu MyFood@Wilayah," katanya.

Beliau berkata, melalui inisiatif ini, seramai 32,000 orang Ketua Isi Rumah (KIR) miskin bandar di 67 lokasi PPR dan PA di bawah seliaan Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) menerima bantuan bekalan makanan yang terdiri daripada barang keperluan harian asas bernilai RM50.00 seunit secara percuma.

"Ia membolehkan peruntukan sebanyak RM1.6 juta. Antara lokasi terbabit ialah di PA Seri Kota, PA Seri

Melaka, PA Desa Petaling, PPR Seri Malaysia, PPR Kerinchi Lembah Pantai, PPR Kampung Muhibah, PPR Jelatek, PA Seksyen 10 Wangsa Maju, PPR Kampung Limau dan PPR Beringin," katanya.

Annuar memberitahu, pengagihan bakul makanan kepada kumpulan sasar ini dibuat secara berperingkat dengan kerjasama empat Badan Bukan Kerajaan (NGO's) iaitu Badan Inisiatif Jalinan Nasional, Kelab Putera Puteri Inspirasi Bandar Sri Damansara, Yayasan Himmah Malaysia dan Pertubuhan Muafakat Sejahtera Masyarakat Malaysia, DBKL, MPPWP dan Persatuan Penduduk di setiap zon.

"Penglibatan pelbagai pihak dalam proses pengagihan bakul makanan ini dapat melancarkan proses pengagihan di samping mengurangkan keperluan bagi pergerakan orang ramai

untuk mendapatkan bakul makanan mereka terutama sekali dalam situasi PKPB.

"NGO lain yang berminat untuk melaksanakan perkhidmatan secara sukarela ini adalah dialu-alukan oleh pihak kerajaan kerana dapat memberikan sumbangan secara percuma kepada golongan yang terkesan bagi kesejahteraan warga Wilayah Persekutuan," katanya.

Kata Annuar lagi, menerusi Inisiatif Wilayah Cakna (IWC) 3.0, KWP melalui DBKL dan Perbadanan Putrajaya telah menyediakan bantuan Food Pack berbentuk baucar makanan kepada asnaf dan golongan miskin (B40) bernilai RM100 untuk setiap isi rumah.

"Bantuan sebegini diteruskan oleh Jabatan Agama Islam Wilayah Persekutuan (JAWI) yang memberi bantuan barang keperluan asas melalui Program JAWI Food Bank dan Program Dapur It'am.

"Menerusi bantuan-bantuan yang diberikan melalui IWC, dapat melegakan warga kota dan mengurangkan beban sara hidup yang perlu ditanggung.

Jelasnya, bantuan sebegini akan diteruskan pada masa akan datang memandangkan program ini merupakan pelan perancangan jangka masa panjang dan komprehensif KWP bagi membantu mengurangkan kos sara hidup yang ditanggung golongan miskin bandar.

"Program ini juga akan diperluaskan ke lebih banyak kawasan perumahan kos rendah swasta dan kampung tradisi pada masa hadapan," katanya. **WK**

REAKSI PENERIMA

SYUKUR
Alhamdulillah

dengan sumbangan barang keperluan seperti beras, tepung, gula, susu, Milo, minyak masak dan lain-lain dapat menampung kegunaan lebih seminggu bagi seisi keluarga.

"Jadi, wajar inisiatif prihatin ini diteruskan di masa akan datang khususnya dalam tempoh penularan COVID-19 kerana ramai telah terjejas pendapatannya," katanya.

Ahmad Rafikh Roslan



MAKCIK
gembira dapat bantuan barang dapur ini dan boleh digunakan untuk kami tampung

belanja seminggu ke dua minggu.

"Syukur atas bantuan ini, cuma apa diharap ialah sumbangan diberi kepada golongan betul-betul memerlukan dan tidak berlaku kecikiran kerana dalam situasi semasa ini, ramai berharap mereka juga dibantu," katanya.

Che Zan Ahmad

USAHA
membantu

rakyat yang dilakukan KWP itu perlu dicontohi oleh pihak lain kerana kaedah pelaksanaannya sampai kepada golongan sasar rakyat di akar umbi.

"Barang keperluan yang diberi memang keperluan untuk semua penduduk dan dapat meringankan beban kami golongan warga emas. Teruskan usaha murni ini memberikan manfaat kepada warga yang memerlukan," katanya.

Asmah Ahmad

